



## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

### **BANK ISLAM DAN AWARIS BEKERJASAMA PERLUAS AKSES KHIDMAT PERANCANGAN HARTA PUSAKA**

**KUALA LUMPUR, Selasa, [12 Disember 2023]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) hari ini memeterai dokumen Memorandum Perjanjian (MoA) bersama Amanah Warisan Berhad (AWARIS) bagi memperluaskan akses perkhidmatan serta meningkatkan kesedaran awam mengenai perancangan harta pusaka melalui penulisan wasiat serta pengurusan perwarisan.

Pengarah Pengurusan Kekayaan Bank Islam, Zaharah Abdul Muttalib telah menandatangani MoA ini bagi pihak Bank Islam, sementara AWARIS diwakili oleh Pengurus Besar (Pemasaran & Operasi), Ahmad Fadzly Abdul Hamid. Pemeteraian MoA itu disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan AWARIS, Dato' Ahmad Saruji Abdul Aziz.

Melalui kerjasama ini, Bank Islam berperanan sebagai saluran pengedaran bagi penyelesaian holistik pengurusan perwarisan AWARIS yang terbuka kepada pelanggan beragama Islam dan bukan Islam. Penyediaan perkhidmatan ini juga seiring dengan aspirasi Bank Islam untuk menyediakan penyelesaian kewangan yang lengkap dan bertumpukan keperluan pelanggan.

Mohd Muazzam berkata, "Jalinan kerjasama ini amat penting dalam menyokong pengurusan kewangan dan harta pusaka pelanggan bagi menjaga kesejahteraan kehidupan mereka serta waris yang layak. Selain itu, usaha sama Bank Islam-AWARIS ini dilihat akan mampu menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan kedua-dua pihak serta industri."

Bank Islam mengedar perkhidmatan Penulisan Wasiat Platinum dan Premier serta Pentadbiran Harta Pusaka AWARIS sejak 28 Disember 2022. Setakat ini maklum balas pasaran terhadap perkhidmatan ini amat menggalakkan.

Bank Islam menyasarkan kenaikan sebanyak 60 peratus dalam segmen perniagaan pengurusankekayaan menjelang akhir 2025. Setakat ini, keuntungan daripada perniagaan pengurusankekayaan merangkumi tujuh peratus daripada keseluruhan jumlah keuntungan perniagaan perbankan peruncitan Bank Islam.

Sementara itu, Ahmad Saruji berkata, matlamat utama kerjasama strategik ini adalah untuk membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia memiliki wasiat berkualiti yang akan menyegerakan pentadbiran harta pusaka berwasiat.

"Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengelakkan pertikaian keluarga serta memudahkan waris menerima manfaat harta pusaka demi kesinambungan kehidupan mereka."

Orang ramai boleh mendapatkan akses perkhidmatan pengurusan perwarisan AWARIS pada kadar RM500 untuk Wasiat Platinum (Muslim & Konvensional) dan RM1,200 untuk Wasiat Premier (Muslim & Konvensional) dengan hanya mengunjungi mana-mana daripada 135 cawangan Bank Islam di seluruh negara.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB

Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila emel ke:** [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my)

---

**Mengenai Amanah Warisan Berhad**

Amanah Warisan Berhad dikenali sebagai "AWARIS" adalah sebuah institusi amanah dibawah Akta Syarikat Amanah 1958 dan ditubuhkan pada 28 November 2018. Syarikat amanah ini dipantau dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) dalam memastikan segala urusan mematuhi undang-undang digariskan. AWARIS juga sebuah institusi amanah yang bernaung di bawah Association of Trust Companies, Malaysia (ATCM) bagi mengukuhkan pentadbiran dalam bidang pengamanahan. AWARIS juga menyediakan perkhidmatan dokumen penulisan wasiat, hibah & amanah secara digital dan patuh shariah."AWARIS Online" adalah portal digital rasmi Amanah Warisan Berhad bagi memudahkan pelanggan dalam permohonan pendaftaran dan mengemaskini dokumen wasiat, hibah & amanah dari masa ke semasa. Sila layari laman web Amanah Warisan Berhad di [www.awarisgroup.com](http://www.awarisgroup.com) untuk maklumat produk lebih lanjut.

**Untuk maklumat lanjut, hantarkan e-mel ke:** [admin@awarisgroup.com](mailto:admin@awarisgroup.com)